

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	15 JULY 2017

KES SAMAN FITNAH TERHADAP SETIAUSAHA AKHBAR PM

Dr M mengaku rancang jatuhkan Najib sejak 2014



Tidak (risau), tindakan itu bukan merosakkan UMNO tetapi (merosakkan) Najib”

Dr Mahathir Mohamad,
Pengerusi PPBM

BH-15/7/2017
Pg. 18

➔ Pengakuan ketika soal balas kes saman fitnah Mukhriz terhadap Tengku Sariffuddin

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Tun Dr Mahathir Mohamad mengaku beliau merancang untuk menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak sejak 2014 lagi.

Beliau membuat pengakuan itu ketika disoal balas peguam, Datuk Seri Jahaberdeen Mohamed Yunos dalam perbicaraan kes saman fitnah terhadap Setiausaha Akhbar Perdana Menteri, Datuk Seri Tengku Sariffuddin Tengku Ahmad.

Jahaberdeen: “Sejak 2014 hing-

ga sekarang, Tun bergerak dan berusaha untuk menurunkan Najib sebagai Perdana Menteri?”

Mahathir: “Ya, memang.”

Tindakan tak rosakkan UMNO
Ditanya sama ada beliau risau Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) dipengeruskannya boleh merosakkan UMNO, bekas Perdana Menteri berkata: “Tidak (risau), tindakan itu bukan merosakkan UMNO tetapi (merosakkan) Najib”.

Beliau yang juga bekas Presiden UMNO disoal balas selama 10 minit selaku saksi bagi kes saman fitnah difailkan anaknya, Datuk Seri Mu-

khриз terhadap Tengku Sariffuddin.

Terdahulu pada sebelah pagi, Mukhriz yang juga Timbalan Presiden PPBM, ditanya mengenai isu beliau bertanding jawatan Naib Presiden UMNO dan tafsiran oleh ahli UMNO bahawa beliau berniat menjadi Perdana Menteri.

Dalam jawapannya, bekas Menteri Besar Kedah itu berkata, ahli UMNO sedia maklum bertanding sebagai Naib Presiden UMNO bukan jaminan untuk menjadi Perdana Menteri walaupun ia dianggap batu loncatan ke jawatan berkenaan.

Mukhriz memfailkan saman ter-

hadap Tengku Sariffuddin pada 3 Mei 2016, mendakwa defendan mengeluarkan empat kenyataan fitnah yang diterbit dan disiarkan secara meluas di pelbagai media dan portal berita.

Kes bersambung 19 Oktober

Pada 6 Januari lalu, mahkamah memutuskan dua daripada empat kenyataan fitnah bertarikh 15 dan 20 April 2016 tidak merujuk kepada Mukhriz yang diwakili peguam, Mohamed Haniff Khatri Abdullah.

Perbicaraan di hadapan Hakim Datuk Ahmad Zaidi Ibrahim bersambung 19 Oktober ini.